



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

PACE PERKUKUH MOBILITI KERJAYA DAN KELANGSUNGAN EKONOMI RAKYAT

PUTRAJAYA, 21 Mei 2026 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melihat cabaran ekonomi global yang memberi tekanan kepada landskap pekerjaan dan operasi perniagaan sebagai keperluan untuk terus membina ekosistem tenaga kerja negara yang lebih adaptif, berdaya tahan dan kompetitif melalui pelaksanaan Pakej Daya Tahan Ekonomi *Progressive Acceleration for Capability and Employment* (PACE) yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri, semasa Sambutan Hari Pekerja 2026. Melalui pendekatan yang lebih tersusun, progresif dan berimpak tinggi ini, hampir 86,000 pekerja dan pelatih dijangka menerima manfaat merangkumi perlindungan sosial, peningkatan kemahiran, penempatan pekerjaan, pembangunan bakat muda serta pengupayaan pekerja gig secara lebih menyeluruh dan inklusif.

KESUMA telah melaksanakan analisis kedudukan semasa pasaran buruh serta simulasi impak krisis bekalan global khususnya terhadap peluang pekerjaan dan risiko kehilangan pekerjaan berdasarkan pemantauan data kehilangan pekerjaan, pelaporan majikan serta *pulse-survey* bersama *Future Skills Talent Council* (FSTC). Analisis tersebut menunjukkan pasaran buruh negara dijangka berdepan tekanan yang semakin ketara bermula **suku kedua tahun 2026 khususnya dalam tempoh Mei hingga September yang dikenal pasti sebagai *high-risk window*.**

Walaupun indikator kehilangan pekerjaan pada suku pertama 2026 masih belum menunjukkan kesan langsung daripada krisis bekalan global, sebanyak 10,658 tuntutan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) telah direkodkan pada Januari 2026, iaitu angka tertinggi bagi bulan Januari sejak SIP diperkenalkan. Situasi ini didorong oleh gelombang penstrukturan semula organisasi pada penghujung tahun 2025 dan dijangka boleh menjadi lebih mencabar sekiranya tekanan ekonomi global terus berpanjangan.

Berdasarkan unjuran KESUMA, tanpa intervensi awal dan bersasar, tuntutan kehilangan pekerjaan dijangka boleh mencecah sekitar 18,500 tuntutan pada Ogos 2026, hampir menyamai kemuncak era COVID-19 yang mencatatkan 18,579 tuntutan pada Jun 2020. Lima sektor utama yang dikenal pasti berisiko terjejas ialah **sektor Pembuatan, Perdagangan Borong dan Runcit, Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan, Perkhidmatan Pengangkutan dan Penyimpanan serta sektor Maklumat dan Komunikasi.**

Sehubungan itu, KESUMA telah membentangkan cadangan PACE kepada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Bilangan 8 Tahun 2026 pada 28 April 2026 sebagai langkah proaktif untuk memastikan kesejahteraan tenaga kerja negara terus terpelihara sebelum pakej tersebut diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada Sambutan Hari Pekerja 2026.

Pelaksanaan PACE melibatkan penyelarasan inisiatif dan dana sedia ada agensi utama di bawah KESUMA iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) bagi memastikan pekerja, majikan, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta kumpulan rentan terus diperkasa dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi dan cabaran pasaran buruh semasa.

Di bawah pelaksanaan pakej ini, **PERKESO** memperkukuh jaringan keselamatan sosial melalui **Sistem Insurans Pekerja (SIP) dan LINDUNG Kerjaya** dengan dana melebihi RM580 juta yang menasaskan lebih 56,000 pekerja yang kehilangan pekerjaan untuk menerima bantuan faedah kewangan, intervensi pekerjaan semula dan sokongan kebolehgajian. Dari 1 Mei hingga 12 Mei 2026, sebanyak 1,227 tuntutan telah diluluskan melibatkan sektor-sektor yang berpotensi terkesan akibat krisis tenaga dan bekalan global.

Dalam masa sama, pelaksanaan Inisiatif Dana **HRD Corp** bernilai RM100 juta menasaskan hampir 20,000 peserta termasuk belia, pekerja gig, PMKS, komuniti luar bandar dan kumpulan rentan melalui tujuh (7) program utama iaitu **Vetri MADANI, Daya, Elevate, Digital, Borneo, Nusa dan Gig to Business (GTB)** yang memberi penekanan kepada peningkatan kemahiran, transformasi digital, pembangunan perusahaan dan mobiliti kerjaya. Inisiatif ini sedang dimuktamadkan dan dijangka bermula pada penghujung Mei 2026.

Bagi memperkukuh ekosistem pekerja gig, pelaksanaan **PTPK** sebagai inisiatif latihan kemahiran khusus kepada **pekerja e-hailing dan p-hailing** dengan peruntukan tambahan RM20 juta, menasaskan 5,000 pekerja gig bagi mempertingkatkan dan mempelbagaikan kemahiran serta jaringan perlindungan sosial. KESUMA kini sedang memuktamadkan mekanisme pelaksanaan bagi memastikan akses latihan yang lebih inklusif dan bersasar.

Selain itu, **TalentCorp** memperkukuh pembangunan bakat muda dan daya tahan PMKS melalui **Geran Padanan Latihan Industri PMKS** bernilai RM10 juta yang menasaskan 5,000 penempatan latihan industri berbayar. Sehingga kini, lebih 100 syarikat telah berdaftar di bawah inisiatif tersebut yang dijangka membuka lebih 300 peluang latihan industri kepada pelajar dan graduan.

KESUMA akan terus memperkukuh pelaksanaan inisiatif di bawah pakej ini dan memantau perkembangan semasa ekonomi global serta impaknya terhadap pasaran buruh negara. Langkah intervensi secara proaktif akan diambil bagi memastikan kestabilan pekerjaan, kebolehpasaran tenaga kerja dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

21 MEI 2026

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

| JABATAN | AGENSI |
|--|---|
| Jabatan Tenaga Manusia (JTM) | Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) |
| Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) | Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) |
| Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) | Human Resources Development Corporation (HRD Corp) |
| Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) | Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP) |
| Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) | |
| Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) | |
| Jabatan Tenaga Kerja Sabah | |
| Jabatan Tenaga Kerja Sarawak | |